

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 20.10.2016

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah pendirian Kerajaan terhadap program dwi bahasa atau DLP (Dual Language Programme); dan
- (b) bagaimanakah Kementerian Pendidikan menangani rayuan melaksanakan DLP mengikut keperluan dan permintaan ibu bapa tanpa sebarang syarat terdahulu yang telah dikemukakan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK dan SMKC di Seremban pada 20 September 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) *Dual Language Programme* (DLP) adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). DLP memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain

daripada bahasa Melayu bagi mata pelajaran Matematik dan Sains.

- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih berpegang kepada empat (4) syarat untuk sekolah menyertai DLP iaitu:
1. Sumber yang mencukupi;
 2. Kesediaan Pengetua atau Guru Besar dan guru untuk melaksanakan DLP;
 3. Permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan
 4. Pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan

Oleh yang demikian, pengecualian daripada syarat tersebut yang dikemukakan oleh mana-mana pihak termasuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK dan SMJK di Seremban tidak dapat dipenuhi. Namun begitu sekolah yang tidak mencapai Gred Purata Mata Pelajaran Bahasa Melayu (GPMP BM) seperti yang disyaratkan, dinasihatkan mengikuti kursus Profesiensi Bahasa Melayu secara dalam talian yang telah dibangunkan oleh KPM. KPM juga telah menyediakan kursus profesiensi bahasa Inggeris secara dalam talian untuk membantu guru melaksanakan DLP dengan berkesan.

RJM10